



YAYASAN NEGERI SEMBILAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN MEMBAIKI, MEMASANG DAN MENGUJI PERKAKASAN, PERISIAN DAN RANGKAIAN KOMPUTER UNTUK KEGUNAAN DI EMPAT (4) LOKASI PUSAT TUISYEN YAYASAN NEGERI SEMBILAN (YNS)

NO SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENGIKLANAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
YNS100/264 (1)	210101, 210103, 210104, DAN 210105	15/04/2014 HINGGA 18/04/2014	21/04/2014 09 .30 Pagi Bilik Mesyuarat Yayasan Negeri Sembilan Tkt. 11, Bgn.Yayasan Negeri Jalan Yam Tuan 70000 Seremban	30/04/2014 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

1. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
 - i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**
 - ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
2. Satu (1) salinan **SIJIL-SIJIL** di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan YNS semasa mengambil dokumen. YNS berhak menolak permohonan yang pada tanggapan YNS tidak layak.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh diperolehi pada waktu taklimat sahaja. Pembekal yang hadir pada taklimat sahaja yang layak untuk mengambil dokumen sebut harga. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
4. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Perkhidmatan di atas adalah tanggungjawab pembekal.
5. YNS tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. YNS berhak untuk membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Perkhidmatan di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah:

Pengarah

Yayasan Negeri Sembilan

Tkt. 11, Bgn. Yayasan Negeri, Jln. Yam Tuan, 70000 Seremban

Pada atau sebelum tarikh tutup **sebut harga jam 12.00 tengahari**

7. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.yns.gov.my>